

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS  
@ TUBAU [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah untuk memperkenalkan industri baru kepada penduduk luar bandar bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi supaya tidak hanya bergantung kepada penanaman sawit dan getah semata-mata.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai program telah dibuat oleh Kementerian dalam usaha untuk menaiktaraf kehidupan penduduk di luar bandar khususnya petani dan pekebun. Di antara program yang dibuat adalah Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) dan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET).

PROSPEK merupakan satu projek yang memberi fokus kepada komponen ekonomi, prasarana asas dan perumahan. Komponen ekonomi ini tidak melibatkan pembukaan ladang getah dan kelapa sawit di kampung-kampung tetapi lebih menumpukan kepada *niche product* di kampung tersebut contohnya di PROSPEK Rintis Kg. Sidam, Kulim, Kedah.

Selain itu, Kementerian melalui agensi Lembaga Kemajuan Tanah di bawah Kementerian komited untuk membantu pekebun kecil menjana pendapatan tambahan ketika harga komoditi yang kini kurang

## **NO. SOALAN : 11**

memberangsangkan dengan pelaksanaan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET).

Program ini bertujuan untuk mewujudkan sumber pendapatan sampingan kepada peserta, melahirkan usahawan di kalangan peserta dan pekebun kecil luar bandar dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Program AET yang dilaksanakan adalah aktiviti pertanian, ternakan dan ekonomi desa.

Pada tahun ini, sebanyak RM39.65 juta telah diperuntukkan bagi Program AET yang memberi manfaat kepada 3,480 peserta.